



LATIHAN SIMULASI MYPEC

JABATAN PELESENAN DEWAN BANDARAN MyPEC

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN PELESENAN – PUB DAN ISTIRAHAT (LOUNGE)

Pelesen / Pengusaha dikehendaki mematuhi syarat-syarat berikut:

1. FEE LESEN UNTUK MEMBUKA TEMPAT HIBURAN

Pelesen / pengusaha hendaklah menjelaskan fee lesen seperti di bawah sebelum menjalankan perniagaan.

Premis – Pub Dan Istirahat (Lounge) – Tanpa Hiburan

Luas lantai tidak melebihi 90 m.p.

Luas lantai tidak melebihi 120 m.p.

Luas lantai melebihi 120 m.p.

RM Setahun

RM 200.00 setahun

RM 300.00 setahun

RM 400.00 setahun

Premis – Pub Dan Istirahat (Lounge)– Dengan Hiburan

Luas lantai tidak melebihi 30 m.p.

Luas lantai melebihi 30 m.p. tetapi tidak melebihi 60 m.p.

Luas lantai melebihi 60 m.p. tetapi tidak melebihi 90 m.p.

1.2.4 Luas lantai melebihi 90 m.p.

RM 300.00 setahun

RM 500.00 setahun

RM 800.00 setahun

RM1,100.00 setahun

Premis – Dewan Tarian

Luas lantai tidak melebihi 30 m.p.

Luas lantai melebihi 30 m.p. tetapi tidak melebihi 60 m.p.

Luas lantai melebihi 60 m.p. tetapi tidak melebihi 90 m.p.

1.3.4 Luas lantai melebihi 90 m.p.

RM 400.00 setahun

RM 600.00 setahun

RM 900.00 setahun

RM1,200.00 setahun

Hiburan

Muzik dan Nyanyian sehingga 12 malam

Tambahan selepas 12.00 malam

Tarian sehingga 12.00 malam

Tambahan selepas 12 malam

RM 4.00 sehari

RM 4.00

RM 4.00 sehari

RM 4.00

2. WANG CAGARAN

Wang cagaran hendaklah dijelaskan sebelum menjalankan perniagaan.

- Kadar minimum 143 m.p. pertama RM 10,000.00 dan setiap m.p. tambahan / sebahagian daripadanya RM 20.00

3. MEMPAMERKAN LESEN

Lesen hendaklah dipamerkan di premis pada setiap masa.

4. KEBERSIHAN

Premis dan kawasan persekitaran hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih.

Semua perkakas, perabot dan peralatan hendaklah dalam keadaan baik dan sempurna

5. **KAWALAN BUNYI BISING**
Premis hendaklah dilengkapi dengan peralatan-peralatan tahan bunyi (Sound-proof). Bunyi bising daripada aktiviti muzik dan sebagainya hendaklah dikawal supaya paras bunyi tidak melebihi 5 dBA daripada paras latar belakang sekitar premis tersebut pada waktu malam.
6. **PENCAHAYAAN**
Bilik-bilik, pub, istirahat (lounge) dan kawasan sekitaran premis hendaklah dipasang dengan lampu yang terang.
7. **KESELAMATAN**
Pengusaha hendaklah memastikan aspek-aspek keselamatan dipatuhi pada setiap masa dan peralatan-peralatan bomba mencukupi. Pintu masuk dan keluar hendaklah sentiasa tidak berkunci.

Peralatan dan keperluan bagi system pengudaraan premis hendaklah diadakan juga.
8. **HALANGAN**
Ruang tangga, lorong, pintu masuk atau keluar hendaklah sentiasa bebas daripada sebarang halangan.
9. **HAD UMUR**
Orang-orang yang berumur di bawah 18 tahun tidak dibenarkan masuk atau berada dalam premis hiburan ini semasa perniagaan dijalankan.

Adalah menjadi tanggungjawab pelesen / pengusaha memastikan pengunjung-pengunjung bawah umur 18 tahun tidak dibenarkan masuk ke dalam premis masing-masing.
10. **WAKTU PERNIAGAAN**
Waktu perniagaan – seperti yang tercatat pada Lesen Hiburan

Satu papan kenyataan yang berkaitan dengan 9 & 10 hendaklah dipasang / pameran di depan pintu masuk untuk makluman orang ramai. Kenyataan hendaklah dibuat dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
11. **PAPAN TANDA / IKLAN**
Setiap pemasangan iklan / papan tanda hendaklah mendapat lesen terlebih dahulu.

Gambar / poster lucah dan mengghairahkan tidak dibenarkan ditampal di dinding-dinding premis (Luar dan dalam premis). Papan iklan yang tidak berkaitan tidak dibenarkan dipasang.
12. **PEGAWAI PERHUBUNGAN PELANGGAN (GRO)**
Semua Pegawai Perhubungan Pelanggan (GRO) hendaklah berdaftar dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Pakaian GRO hendaklah sopan. Pakaian yang mengghairahkan atau kelihatan lucah tidak dibenarkan.

- 13. MEMPAMERKAN HARGA MAKANAN/ MINUMAN/ KHIDMAT**
Senarai harga makanan, minuman dan perkhidmatan hendaklah dinyatakan dengan jelas di papan tanda atau bentuk 'menu' untuk makluman pengunjung-pengunjung.
- 14. MINUMAN KERAS**
Sebarang jualan/ hidangan minuman keras atau apa-apa minuman yang memabukkan hendaklah mendapat lesen minuman keras terlebih dahulu.
Masa jualan/ hidangan minuman keras hendaklah tertakluk kepada masa jualan seperti tercatat pada lesen minuman keras.
Minuman keras tidak boleh dijual atau dihidangkan kepada pengunjung-pengunjung di bawah umur 18 tahun.
- 15. TARI-MENARI (ISTIRAHAT) DAN PANCARAGAM (LIVE BAND) (PUB DAN ISTIRAHAT)**
Sekiranya terdapat aktiviti tari menari dan pancaragan, lesen hiburan bagi aktiviti berkenaan hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu.
- 16. PENGGUNAAN / PENGEDARAN DADAH**
Pelesen/ Pengusaha hendaklah memastika tiada apa-apa dadah atau pil-pil yang diharamkan digunakan atau diedarkan di premis masing-masing. Adalah menjadi tanggungjawab pelesen/ pengusaha untuk menentukan premis mereka bebas dari dadah/ pil tersebut.
- 17. AKTIVITI MAKSIAH/ LUCAH**
Pelesen / pengusaha hendaklah memastika tiada aktiviti maksiah atau lucah yang melibatkan pengunjung atau pekerja / artis dijalankan di premis masing-masing. Menjadi tanggungjawab pelesen / pengusaha untuk menegahkan aktiviti-aktiviti sebegini.
- 18. LAIN-LAIN SYARAT**
Sesiapa yang berumur di bawah 18 tahun tidak dibenarkana bekerja di premis hiburan ini.

PERINGATAN

Sekiranya pelesen / pengusaha gagal mematuhi syarat-syarat seperti di atas, tindakan penguatkuasaan boleh diambil termasuk merampas wang cagaran di bawah Undang-undang Kecil Establisymen Makanan (WPKL) 1985, Akta Hiburan (WPKL) 1992, Kaedah-kaedah Hiburan (WPKL) 1993, Akta Duti Hiburan 1953 dan Undang-undang Kecil Iklan (WP) 1982 dan Pindaan-Pindaannya.

**Jabatan Pelesenan
Dewan Bandaran MyPEC
Mei 2009**

Tingkat 22 Menara Safuan,
No. 80 Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur.

No. Tel: 03-20723802
No. Faks: 03-20723804